



#### MPP UPM Ke Hadapan Dengan Program Mahasiswa Satu Malaysia



Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ahmad Shabery Cheek menyerahkan mock-cheque kepada Pengarah Program 'Mahasiswa Satu Malaysia', Mohd Rashidie Ramli (kanan sekali). Turut sama TNC HEPA UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed dan Ketua Setiausaha KBS, Dato' Mohd Yasin Mohd Salleh (dua dari kanan).

**SERDANG, 19 Julai 2009** – Mahasiswa Satu Malaysia yang dilancarkan di Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menjadi wadah bagi pelajar universiti mendalami dan mengupas isu masyarakat untuk diketengahkan kepada kerajaan.

Program yang dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti UPM (MPPUPM) dengan kerjasama MPP semua institusi pengajian tinggi akan membuat kajian dari aspek ekonomi, pendidikan dan sosial, selain mengenal pasti keperluan rakyat yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Program tersebut dirangka dalam tiga siri, iaitu 'Mahasiswa Bersama Kementerian Belia dan Sukan' bermula 17 hingga 19 Julai di Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) UPM, siri kedua, 'Jelajah Mahasiswa Bersama Masyarakat' (baktisiswa) di tiga zon, iaitu Utara membabitkan Kedah, zon Timur (Kelantan) dan Zon Selatan (Melaka) pada 31 Julai, 1 dan 2 Ogos 2009 dan siri ketiga 'Penyerahan Resolusi' kepada kementerian yang terbabit.

Menteri Belia dan Sukan, Dato' Ahmad Shabery Cheek berkata suara belia amat dialukan oleh kerajaan untuk membantu memperbaiki kehidupan masyarakat.

"Konsep 'Satu Belia Satu Malaysia' merupakan konsep untuk belia di Malaysia agar lebih menyedari peranan mereka dalam menggalas tugas sebagai penyambung generasi Malaysia yang bukan sahaja perlu berjaya dalam mengejar kejayaan akademik sebaliknya amat berperanan membantu kerajaan melahirkan mahasiswa atau belia yang mempunyai kapasiti modal insan yang tinggi," katanya pada 'Sesi Dialog Bersama Menteri Belia dan Sukan' pada Siri 1 'Mahasiswa Bersama Kementerian Belia dan Sukan' di sini.

Pada sesi dialog tersebut juga Dato' Ahmad Shabery Cheek turut menyerahkan mock-cheque dari Kementerian Belia dan Sukan untuk bantuan pelaksanaan aktiviti Rakan Muda MPPUPM berjumlah RM30,000.

Pengarah Program 'Mahasiswa Satu Malaysia', Mohd Rashidie Ramli dalam ucapannya menekankan aspek penting dalam program tersebut, iaitu kemampuan mahasiswa dalam pelbagai aspek terutamanya nilai kesepaduan dan kemasyarakatan serta kemahiran insaniah.

"Slot 'Jelajah Mahasiswa Bersama Masyarakat' merupakan salah satu intipati penting dalam program ini yang bertujuan menggalakkan cara pemikiran kritis golongan belia bagi mendefinisikan maksud 'Satu Malaysia' dari perspektif berbeza," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi memandang positif terhadap program yang turut mendapat kerjasama dari Rakan Muda ini.



Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi merasmikan program '1 Belia 1 Malaysia' pada Majlis Perasmian Program 'Satu Malaysia' yang diadakan di UPM sambil diperhatikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Azali Mohamed (kanan)

"Program 'Satu Malaysia' ini akan menjadi pemangkin bagi golongan belia untuk mendalami pelbagai aspek sosial masyarakat dalam usaha membantu kerajaan mengkaji keperluan rakyat yang perlu diberi perhatian," katanya pada majlis perasmian 'Mahasiswa Satu Malaysia' yang berlangsung di PKKSSAAS, UPM.

Seramai 200 peserta yang terpilih dari seluruh IPTA dan IPTS telah terlibat pada majlis pembukaan tersebut.

Program itu diwakili oleh MPP Universiti Utara Malaysia bagi Zon Utara, MPP Universiti Malaysia Kelantan bagi Zon Timur dan MPP Universiti Teknikal Malaysia Melaka di Zon Selatan.

Terdapat tujuh nilai yang ingin diterapkan dalam program yang bertemakan 'Satu Hati, Satu Inspirasi' ini, iaitu 7K – Kesedaran, Kesepaduan, Kesungguhan, Keikhlasan, Kesabaran, Ketabahan dan Kesyukuruan.

Selain aktiviti bersama pemimpin-pemimpin negara, terdapat aktiviti-aktiviti lain yang diadakan seperti booth pameran dan wall climbing.

Program ini merupakan penganjuran julung kali oleh MPPUPM yang dirangka seiring dengan inspirasi Satu Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



*Dato' Ahmad Shabery Cheek ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh mahasiswa pada 'Sesi Dialog Bersama Kementerian Belia dan Sukan' di UPM*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti UPM**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia